

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

CADANGAN MENAIK TARAF TEMPAT REKREASI YANG SEDIADA

Terima Kasih. Saya mengucapkan Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan dikasihi sekalian. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersidang di dewan mulia ini.

Demi kesejahteraan dan kesihatan penduduk negeri Pulau Pinang. Saya ingin memberi beberapa cadangan untuk menaik taraf Tempat Rekreasi di Pulau Pinang yang perlu dipertimbangkan oleh kerajaan negeri.

Dengan izin Dato' Speaker, hasil kajian yang dijalankan setiap empat tahun oleh Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) mendapati 50.1 peratus rakyat Malaysia mencatatkan berat badan berlebihan dengan 19.7 peratus daripada mereka menghadapi masalah obesiti pada 2019. Hasil kajian ini bermakna satu daripada dua orang dewasa kini berlebihan berat badan di negara Malaysia.

Maka, saya ingin bercadang untuk menaik taraf Tempat Rekreasi yang sediaada dengan Trek Joging, Trek Basikal, alat-alat untuk senaman ringan, alat-alat permainan kanak-kanak agar penduduk negeri Pulau Pinang dapat melakukan aktiviti-aktiviti mereka secara fizikal di Tempat Rekreasi.

Ramai penduduk di negeri Pulau Pinang yang ingin melakukan aktiviti-aktiviti secara fizikal seperti senaman ringan, Joging, Berbasikal, Berlari, Bermain bola sepak dan sebagainya selepas waktu pekerjaan mereka tetapi penduduk berasa amat bimbang dengan keselamatan untuk pergi ke Tempat Rekreasi dengan seorang atau bersama kawan-kawan atau bersama ahli keluarga khususnya semasa waktu malam kerana bimbang berlaku kes jenayah seperti Kes Ragut, Kes Curi atau sebagainya dan masalah vandalisme di Tempat Rekreasi.

Kedua, saya bercadang untuk menaik taraf Tempat Rekreasi yang sediada dengan memasang Lampu Solar yang cerah dan memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) agar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dapat memantau keselamatan dan juga mendapat mengurangkan Kes Jenayah dan Masalah Vandalisme yang berlaku di Tempat Rekreasi.

Sekian, Terima Kasih.

Kogilan Mahendran

N01 Penaga

Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

